



UNTUK SIARAN  
SEGERA

## SIARAN MEDIA

### **GLOMAC BERHAD MENCATATKAN PENDAPATAN RM115.9 JUTA BAGI SEPARUH PERTAMA TAHUN KEWANGAN 2024 (STK2024)**

Jualan harta tanah baharu meningkat 30 peratus kepada RM138 juta

**Kuala Lumpur, 29 November 2023:** Bagi separuh tahun pertama kewangan berakhir 30 April 2024 (STK2024), Glomac Berhad (“Glomac” atau “Kumpulan”) mencatatkan pendapatan belum diaudit sebanyak RM115.9 juta, berbanding RM143.9 juta yang dilaporkan dalam tempoh yang sama bagi TK2023. Faktor yang menyumbang kepada penurunan jumlah keuntungan adalah aktiviti pembangunan harta tanah yang semakin perlahan kerana fasa pembinaan beberapa projek, seperti Plaza@Kelana Jaya dan tiga fasa kediaman di Saujana Perdana hampir siap.

Keuntungan sebelum cukai dan keuntungan kumpulan yang boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat (“PATMI”) menurun pada RM6.9 juta dan RM4.5 juta. Prestasi keuntungan ini terkesan akibat kos pembinaan yang lebih tinggi dan peningkatan faedah perbelanjaan disebabkan oleh kenaikan Kadar Polisi Semalam (“OPR”) sepanjang tempoh tersebut.

Bagi tempoh S2 TK2024, Glomac melaporkan hasil kumpulan sebanyak RM55.8 juta, berbanding RM78.4 juta yang dicapai pada suku yang sama pada TK2023. Kedudukan kewangan Glomac kekal sihat pada posisi penggearan bersih 0.10 kali setakat 31 Oktober 2023, berbanding dana pemegang saham sebanyak RM1,193.5 juta. Kedudukan wang tunai dan deposit tunai meningkat kepada RM325.0 juta, berbanding RM288.8 juta pada akhir April 2023. Aset bersih sesaham meningkat kepada RM1.56 daripada RM1.53 pada akhir April 2023, ini diterjemahkan kepada nisbah harga kepada buku sebanyak 0.24 kali.

Dividen peringkat tunggal terakhir sebanyak 1.25 sen setiap saham telah diumumkan pada Mesyuarat Agung Tahunan dan akan diagihkan pada 22 Disember 2023. Jumlah ini diterjemahkan kepada kira-kira 3.4 peratus hasil dividen pada harga saham semasa.

Dalam tempoh separuh tahun pertama, Glomac mencatat peningkatan 30 peratus jualan hartanah, berjumlah RM138 juta berbanding RM106 juta yang dicatat pada tempoh yang sama TK2023. Pertumbuhan jualan pula disokong oleh penjualan penuh kesemua unit kedai pejabat di Lakeside Boulevard II. Ini diperkuuh lagi dengan prestasi jualan yang konsisten daripada dua projek pembangunan kediaman bertingkat tinggi di daerah Petaling Jaya - Damansara, iaitu 121 Residences dan Plaza@Kelana Jaya. Kedua-dua pangaspuri servis ini telah dijual sepenuhnya pada akhir Oktober 2023.

Momentum jualan Glomac dijangka meningkat dengan hartanah baharu bernilai RM626 juta yang akan dilancarkan pada separuh kedua tahun kewangan 2024. Ini termasuklah projek Loop City, sebuah pembangunan kediaman bersepadu baharu yang terletak di tengah-tengah Puchong dengan jumlah anggaran GDV RM1.57 bilion. Fasa awal dikenali sebagai Loop Residences, merangkumi Kediaman Jenis SoHo "SoHos" dan pangaspuri servis dengan anggaran GDV sebanyak RM338 juta. Pelancaran baharu lain akan melibatkan Semi-D dan unit kediaman bertingkat tinggi mampu milik di Lakeside Residences.

Glomac memiliki kemampuan pertumbuhan yang kukuh. Kedudukan kewangannya mencukupi untuk memacu aktiviti pembangunan dan pengembangan simpanan tanah (*landbank*). Dijangkakan bahawa Glomac, menerusi simpanan tanah di Lembah Klang dan Johor dengan jumlah anggaran GDV sebanyak RM8 bilion, berpotensi besar untuk meneroka peluang baharu bagi menjamin kemampuan perniagaan pembangunan hartanahnya.

**GLOMAC BERHAD**  
**29 November 2023**

**Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:**

Azwan Kimori  
Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat  
[azwan@glomac.com.my](mailto:azwan@glomac.com.my)  
Talian: 03 7723 9046

Nurin Mastura  
Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat  
[nurin@glomac.com.my](mailto:nurin@glomac.com.my)  
Talian: 03 7723 9056

**Glomac Berhad**

Sejak 1995, Glomac adalah sinonim dengan projek hartanah yang bernilai tinggi dengan rekabentuk tersendiri. Sebagai pemaju harta yang telah memenangi pelbagai anugerah projek pembangunan di KL, Selangor dan Johor, kami menawarkan produk perumahan bertingkat (high-rise), atas tanah (landed) serta unit komersil sebagai pilihan terbaik untuk tujuan berkediaman dan pelaburan. Glomac Berhad berhasrat untuk terus menawarkan rumah mampu milik untuk bakal pembeli kami dan keluarga mereka dengan mengutamakan ciri-ciri keselesaan, keselamatan dan kemudahan.